

MURAI CEGAR
Chestnut-naped Forktail

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Enicurus ruficapillus*



CIRI-CIRI

Bagi jantan dewasa, spesies ini berbeza daripada lain-lain spesies dari genus *Enicurus*, dari warna pada bahagian belakang badan dan atas kepala yang berwarna coklat lembut dan terdapat tompok-tompok gelap pada bahagian dada yang putih. Bagi burung betina pula, bahagian atas kepala hingga belakang badan berwarna coklat lembut yang lusuh. Burung juvenil mempunyai warna yang agak lusuh berbanding betina dan mempunyai jalur putih seakan misaim di bahagian muka dan leher. Selain itu, terdapat jalur-jalur halus berwarna hitam pada bahagian leher atas berhampiran dasar paruh, manakala pada bahagian dada, terdapat tanda yang kurang jelas menyerupai tanda yang terdapat pada burung dewasa. Saiz burung ini adalah di antara 19.5-21.0 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan haiwan invertebrata yang bersaiz kecil, siput dan juga buah-buahan.

HABITAT

Ia mendiami kawasan sungai dan anak sungai, air terjun dan lata, hingga ke ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan siri kicauan yang halus dan nyaring *dir-tee*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Disember hingga September setiap tahun di mana burung betina mampu menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman.

STATUS

Akta 72/76, dilindungi sepenuhnya.